

# Pengganti Blair diharap prihatin dunia Islam

BH-12/5/2007.

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap Perdana Menteri baru Britain akan lebih prihatin terhadap keluhan dunia Islam dan negara membangun dalam usaha mewujudkan keamanan sejagat.

Perdana Menteri berkata, pengganti Tony Blair diharap dapat memainkan peranan berkesan dalam mencari penyelesaian terhadap pelbagai isu antarabangsa, seperti konflik di Asia Barat, Iran, Palestin, Iraq dan Lubnan.

“Masalah melanda kawasan berkenaan sudah terlalu lama membeleggu rakyatnya dan saya harap pe-

mimpin baru Britain akan turut mendengar kehendak pemimpin negara membangun, dunia Arab dan dunia Islam,” katanya pada sidang akhbar selepas sambutan Hari Umno ke-61, di sini, semalam.

Kelmarin, Blair mengumumkan meletak jawatan pada 27 Jun selepas sedekad memimpin negara itu.

Menteri Kewangan, Gordon Brown, dikatakan calon pilihan menggantikan Blair sebagai Perdana Menteri, namun peletakan jawatan itu tetap dijangka mencetuskan pergelutan kuasa dalaman Parti Buruh.

Abdullah juga berharap pengganti Blair dapat mengusahakan perdama-

ian di Asia Barat menerusi rundingan dan perbincangan tanpa sebarang bentuk penyelesaian ketenteraan.

“Tindakan ketenteraan perlu dielakkan, penyelesaian secara diplomatik perlu dialu-alukan” katanya.

Ditanya sama ada opsyen untuk membina jambatan baru menggantikan Tambak Johor masih terbuka: Perdana Menteri berkata:

“Saya percaya jambatan yang akan dibina tidak terhad kepada satu saja, tetapi beberapa jambatan mungkin boleh dibina bagi menghubungkan kedua-dua negara.

“Saya percaya bahawa satu hari

nanti antara Singapura dan Malaysia akan ada banyak jambatan, seperti di New York dan Korea, sekali pun ia bukan dua negara berasingan.

“Tetapi sungai atau selat tidak menjadi penghalang kepada perlunya diwujudkan jambatan untuk kemudahan lalu-lintas. Memang ia akan berlaku nanti.”

Mengulas sama ada isu pembinaan jambatan akan dibincang dalam temuannya dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong di Langkawi, minggu depan, Abdullah berkata: “Di Langkawi nanti kita pergi dengan fikiran yang terbuka... nak tengok situasi yang baru.”